



International Journal of World Civilizations and Philosophical Studies
(IJWCPS)
Universiti Sains Malaysia
<https://ejournal.usm.my/ijwcps/>
e-ISSN: 3030-5071
Volume 4 March 2026: 153-168

Submission date: 27.01.2026 Accepted date: 04/02/2026 Published date: 01/03/2026

**Pengaruh Kebebasan Informasi Media Terhadap
Perubahan Politik, Ekonomi Dan Sosial
Di Malaysia Pada Abad Ke-21
(*The Influence of Media Information Freedom on Political,
Economic, and Social Change in 21st-Century Malaysia*)**

**Muhammad Nur Farhan bin Zamziba
International Institute of Islamic Thought and Civilization
(ISTAC-IIUM)**

**Basirah Abu Bakar*
Centre for Fundamental Studies (CFS-MSU)**

**Muhammad Firdaus Ridhwan bin Muhammad Ridha
International Medical School (IMS-MSU)**

**Muhammad Danish Soo bin Muhammad Ariff Soo
International Medical School (IMS-MSU)**

**Luqmanul Hakim bin Nordin
International Medical School (IMS-MSU)**

***Corresponding Author: basirah_abubakar@msu.edu.my**

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis pengaruh media dan kebebasan informasi terhadap perubahan politik, ekonomi dan sosial di Malaysia pada abad ke-21 dalam konteks perkembangan media digital dan teknologi kecerdasan buatan. Kajian ini menggunakan pendekatan gabungan yang melibatkan analisis kualitatif terhadap sumber sekunder seperti laporan rasmi, artikel jurnal dan bahan dalam talian, serta kaedah kuantitatif

melalui soal selidik dalam talian yang melibatkan 100 responden daripada pelbagai latar belakang. Dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti responden berpandangan bahawa tahap kebebasan informasi melalui media di Malaysia semakin meningkat dan tidak lagi dilihat sebagai terlalu terikat kepada kawalan kerajaan. Selain itu, kebebasan informasi didapati memberi kesan positif terhadap pengukuhan proses demokrasi, pertumbuhan ekonomi khususnya dalam sektor ekonomi digital, serta pembangunan sosial masyarakat yang lebih berilmu dan celik maklumat. Walau bagaimanapun, kajian ini turut mengenal pasti cabaran berkaitan penyebaran maklumat palsu dan keperluan literasi media yang lebih mantap dalam menghadapi ekosistem media yang dipacu oleh algoritma dan kecerdasan buatan. Kesimpulannya, media dan kebebasan informasi memainkan peranan penting dalam pembentukan peradaban Malaysia kontemporari, namun memerlukan keseimbangan antara keterbukaan maklumat, kawal selia beretika dan pemeraksanaan literasi media bagi memastikan pembangunan negara yang mampan dan inklusif.

Kata Kunci: Media, Ekonomi, Informasi, Politik, Sosial, Malaysia.

Abstract

This study aims to analyze the influence of media and freedom of information on political, economic, and social changes in Malaysia in the twenty-first century, within the context of digital media development and artificial intelligence technologies. It employs a mixed-methods approach, combining qualitative analysis of secondary sources, such as official reports, journal articles, and online materials, with a quantitative survey of 100 respondents from diverse backgrounds. The results show that most respondents perceive the level of freedom of information in Malaysia through the media as increasing and no longer being overly controlled by the government. Additionally, freedom of information positively impacts democratic processes, economic growth—especially in the digital economy—and social development, leading to a more informed and media-literate society. Nonetheless, the study highlights challenges, including misinformation and the need for stronger media literacy, in an ecosystem driven by algorithms and AI. In summary, media and freedom of information are key to shaping modern Malaysian society, but they

require a balanced approach that combines openness, ethical regulation, and media literacy to support sustainable and inclusive national growth.

Keywords: Media, Economy, Information, Politics, Social, Malaysia.

Pengenalan

Media dan kebebasan informasi merupakan dua elemen yang saling berkait rapat dalam pembentukan masyarakat moden, khususnya dalam era globalisasi dan transformasi digital abad ke-21 (Harro-Loit H. et al., 2025). Perkembangan pesat teknologi komunikasi, media digital serta penggunaan kecerdasan buatan telah mempercepatkan penyebaran maklumat merentas sempadan, sekali gus mengubah cara masyarakat memperoleh, menilai dan bertindak terhadap sesuatu informasi.

Dalam konteks ini, kebebasan informasi melalui media bukan sahaja menjadi penanda aras kematangan demokrasi sesebuah negara, malah berfungsi sebagai pemangkin kepada perubahan politik, kemajuan ekonomi dan pembangunan sosial masyarakat.

Di Malaysia, peranan media semakin signifikan seiring dengan peningkatan akses internet dan penggunaan media sosial dalam kalangan rakyat di mana media berfungsi sebagai saluran utama penyampaian maklumat politik, platform perbincangan awam serta mekanisme semak dan imbang terhadap dasar serta pentadbiran Kerajaan (Mohd Faizal Kasmani. 2024). Pada masa yang sama, keterbukaan maklumat melalui media turut menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi, khususnya dalam sektor ekonomi digital, pelaburan dan keusahawanan, di samping memperkukuh jaringan sosial serta kesedaran masyarakat terhadap isu-isu semasa, hak asasi dan tanggungjawab sivik.

Walau bagaimanapun, kebebasan informasi juga berdepan cabaran seperti penularan maklumat palsu, manipulasi media dan isu etika kewartawanan yang boleh memberi implikasi negatif terhadap kestabilan politik dan keharmonian sosial (Sharma D. K. et al., 2023).

Sehubungan itu, kajian ini dijalankan bagi meneliti secara sistematik pengaruh media dan kebebasan informasi terhadap perubahan politik,

ekonomi dan sosial di Malaysia pada abad ke-21. Kajian ini penting untuk memahami sejauh mana media berperanan dalam membentuk peradaban masyarakat Malaysia masa kini, serta bagaimana keseimbangan antara kebebasan informasi dan kawal selia dapat diwujudkan bagi memastikan maklumat yang disebarkan bersifat sahih, beretika dan memberi manfaat kepada pembangunan negara secara menyeluruh.

Soroton Kajian

Perkembangan pesat media digital pada abad ke-21 telah membawa perubahan besar dalam penyebaran maklumat, khususnya di Malaysia. Dalam konteks ini, beberapa kajian telah dijalankan bagi menilai kesan perkembangan media terhadap kebebasan informasi. Ulasan terhadap kajian-kajian lepas ini dapat memberi gambaran menyeluruh tentang tahap kebebasan maklumat serta cabaran yang timbul seiring dengan kemajuan teknologi komunikasi.

Menurut laporan oleh Shamila Mohamed Shuhidan dalam Prosiding Seminar Literasi Media dan Maklumat Kebangsaan 2022, literasi media dan maklumat yang merangkumi gabungan pengetahuan, kemahiran, sikap, kecekapan, dan amalan yang membolehkan individu mengakses, menganalisis, menilai secara kritis, mentafsir, menggunakan, mencipta, dan menyebarkan maklumat dengan berkesan menjadi unsur utama yang memberikan kesan besar terhadap kebebasan informasi di Malaysia (Shuhidan, S. et al., 2022). Pada era kecerdasan buatan ini, kemampuan untuk menilai kesahihan maklumat adalah penting bagi memastikan masyarakat tidak terpengaruh dengan maklumat palsu atau propaganda. Oleh itu, peningkatan tahap literasi media dan maklumat dalam kalangan rakyat Malaysia adalah penting untuk memperkasa kebebasan informasi dan memastikan maklumat yang diterima adalah sahih dan beretika.

Rentetan itu, laporan daripada BERNAMA memaklumkan bahawa Malaysia naik dalam Indeks Kebebasan Media Dunia seperti dinyatakan oleh Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Teo Nie Ching berdasarkan laporan oleh Reporters Without Borders (Bernama, 2025). Lonjakan ini menempatkan Malaysia di tangga kedua tertinggi di ASEAN bagi kebebasan media.

Hal ini menunjukkan kemajuan yang memberangsangkan dalam konteks capaian maklumat oleh rakyat berkenaan informasi global amnya dan berita terkini watan khususnya, walau mungkin lahirnya kemelut penularan informasi palsu yang hanya dapat ditapis dan ditangani dengan tangkas melalui usaha sama rakyat sebagai anggota masyarakat yang celik maklumat dan bertanggungjawab di samping inisiatif kerajaan sendiri.

Selanjutnya, kajian oleh Boumans et al. (2023) dalam *How media content influences economic expectations: Evidence from a global expert survey* mendapati bahawa media berperanan mempengaruhi harapan ekonomik pelabur di peringkat global terutamanya, yang khususnya lebih signifikan kepada negara-negara demokrasi berbanding negara autokratik [3]. Fenomena ini jelas memberikan kesan kepada keputusan para pelabur global untuk melakukan pelaburan di sesebuah negara melalui penilaian mereka melalui media sebagai satu daripada kaedah penilaian mereka.

Akhir sekali, kajian daripada Mahyuddin Daud (2021) dalam *Freedom of Misinformation and the Relevance of Co-Regulation in Malaysia: A Cross-Jurisdictional Analysis* menekankan kebebasan informasi melalui media memainkan peranan penting dalam membentuk masyarakat yang informatif dan berdaya tahan dari sudut sosial. Namun, penyebaran maklumat palsu terutamanya semasa pandemik COVID-19 telah memberi tekanan terhadap kestabilan sosial dan keharmonian masyarakat. Oleh yang demikian, pengarang turut mencadangkan pendekatan co-regulation sebagai langkah efektif untuk mengimbangi antara kebebasan informasi dan keperluan maklumat dengan kerjasama kerajaan, industri dan anggota masyarakat. Oleh itu, hakikatnya kebebasan informasi melalui media kini menjadi wadah terbaik untuk memacu masyarakat ke arah sudut sosial yang positif dan memperkukuh jati diri, dengan mana kawalan kebebasan informasi dan media bukannya bersifat mengongkong, tetapi melindungi kesejahteraan keluarga majmuk Malaysia.

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan gabungan (*mixed-methods*) yang mengintegrasikan kaedah kualitatif dan kuantitatif bagi memperoleh gambaran yang lebih menyeluruh tentang pengaruh media dan kebebasan informasi terhadap aspek politik, ekonomi dan sosial di Malaysia pada

abad ke-21. Pendekatan ini dipilih kerana ia membolehkan pengukuhan dapatan melalui triangulasi sumber data serta meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan hasil kajian.

Kaedah kualitatif dilaksanakan melalui analisis kandungan terhadap sumber sekunder yang merangkumi artikel jurnal akademik, laporan rasmi jabatan dan agensi kerajaan, dokumen perundangan berkaitan media, akhbar serta sumber dalam talian yang relevan dengan perkembangan media, kebebasan informasi dan teknologi digital di Malaysia. Analisis ini bertujuan untuk mengenal pasti pola, tema dan kerangka konseptual yang menjelaskan hubungan antara kebebasan media dan perubahan politik, ekonomi serta sosial dalam konteks peradaban kontemporari.

Bagi kaedah kuantitatif, kajian ini menggunakan instrumen soal selidik secara dalam talian yang diedarkan kepada 100 orang responden daripada pelbagai latar belakang demografi (Syafira & Nur, 2023). Soal selidik ini direka bentuk untuk menilai persepsi responden terhadap tahap kebebasan informasi melalui media serta kesannya terhadap bidang politik, ekonomi dan sosial. Data yang diperoleh dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan peratusan dan representasi grafik bagi memudahkan interpretasi dapatan kajian.

Secara keseluruhannya, gabungan kedua-dua kaedah ini membolehkan kajian menilai fenomena kebebasan informasi melalui media secara empirikal dan konseptual, selaras dengan objektif kajian untuk memahami peranan media dalam pembentukan peradaban Malaysia pada abad ke-21.

Dapatan Kajian

Beberapa dapatan kajian relevan yang diperoleh digunakan dalam menghuraikan implikasi media dan kebebasan informasi terhadap tiga aspek asas peradaban iaitu politik, ekonomi dan sosial.

Kesan Terhadap Politik

Media dan kebebasan informasi merupakan elemen penting dalam pembentukan sistem politik yang demokratik dan telus. Peranan media sebagai saluran penyampaian maklumat politik, medium wacana awam


serta mekanisme semak dan imbang terhadap pentadbiran kerajaan membolehkan rakyat membuat penilaian yang lebih berinformasi terhadap dasar, kepimpinan dan isu semasa.

Dalam konteks Malaysia, perkembangan media digital dan peningkatan akses kepada maklumat telah memperkukuh penglibatan rakyat dalam proses politik, sekali gus menyumbang kepada pengukuhan amalan demokrasi berparlimen (Nadiah, N. S., & Mohamed, M., 2019).

Rajah 1: Maklum balas dalam bentuk carta pai bagi soalan soal selidik menilai jika responden berpendapat bahawa media dan kebebasan informasi di Malaysia dihadkan oleh kuasa kerajaan.

Sejauh manakah anda bersetuju bahawa kebebasan informasi melalui media negara dari sudut politik dibatasi oleh kerajaan Malaysia yang men...rlimen di bawah Pentadbiran Raja Berpelembagaan?

100 responses



Dapatan kajian melalui 100 responden pelbagai latar belakang (Rajah 1) menunjukkan majoriti sejumlah 97 peratus tidak bersetuju secara langsung bahawa kerajaan membatasi kebebasan media, manakala baki 3 peratus sangat setuju, setuju dan neutral. Hal ini menggambarkan persepsi masyarakat bahawa wujud ruang bagi media melaporkan isu-isu politik watan khususnya dan global amnya secara terbuka. Hal ini selaras dengan dasar Kerajaan Malaysia yang mengamalkan sistem Demokrasi Berparlimen di bawah Pentadbiran Raja Berperlembagaan untuk menjunjung demokrasi di bawah sistem pemerintahan Malaysia yang unik (Parlimen, 2019).

Keupayaan rakyat dalam mengakses maklumat politik daripada pelbagai sumber dalam talian membolehkan mereka membuat penilaian sendiri terhadap dasar kerajaan, prestasi pemimpin serta isu semasa. Di samping itu, media sosial telah menjadi platform utama wacana politik dalam kalangan segenap lapisan masyarakat terutamanya golongan belia negara, sekali gus menggalakkan penglibatan rakyat dalam proses demokrasi watan (Md Razali N.S. et al., 2022).

Walau bagaimanapun, kebebasan yang wujud ini masih tertakluk kepada beberapa undang-undang yang mengawal selia kandungan media bagi menjamin kemaslahatan rakyat dan negara. Sebagai contoh, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (Akta 301) memberikan kuasa kepada Menteri Dalam Negeri untuk mengeluarkan atau membatalkan permit penerbitan, yang boleh mempengaruhi kebebasan media cetak (Undang-undang Malaysia, 2022). Selain itu, Akta Hasutan 1948 (Akta 15) pula melarang sebarang perbuatan yang dianggap menghasut, termasuk dalam konteks politik (Undang-undang Malaysia, 2022).

Selanjutnya, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588) mengawal selia kandungan dalam talian dan komunikasi digital (9) (Undang-undang Malaysia, 2022). Ketiga-tiga undang-undang ini mungkin dilihat dapat mengehadkan kebebasan informasi, namun sebaliknya undang-undang sebegini wajar dijunjung di Malaysia yang bermasyarakat majmuk dengan prinsip sesuatu informasi perlulah disampaikan dengan sah dan lengkap untuk kefahaman yang jelas dari sudut para pendengar bagi mengelakkan sebarang isu yang mampu menimbulkan sebarang ketegangan.


Kesan Terhadap Ekonomi

Kebebasan informasi melalui media memainkan peranan penting dalam menyokong kestabilan dan pertumbuhan ekonomi negara. Akses kepada maklumat yang telus dan terbuka membantu meningkatkan keyakinan pelabur, merangsang inovasi perniagaan serta menyokong perkembangan ekonomi digital. Dalam konteks Malaysia, peranan media yang semakin bebas dilihat sebagai pemangkin kepada kemajuan sektor ekonomi utama, khususnya teknologi maklumat, komunikasi dan e-dagang (Khan, M. W. J., & Khaliq, M., 2014).

Rajah 2: Maklum balas dalam bentuk carta pai bagi soalan soal selidik menilai pendapat responden sama ada media dan kebebasan informasi menyumbang kepada kestabilan dan kemajuan ekonomi Malaysia.

Adakah peranan media dan kebebasan informasi mempengaruhi aspek ekonomi Malaysia?

100 responses




Dapatan kajian seperti tertera dalam Rajah 2 menunjukkan bahawa majoriti responden berjumlah 97 peratus (sangat setuju dan setuju) bersetuju secara langsung bahawa kebebasan informasi melalui media memainkan peranan penting dalam memperkukuh pertumbuhan ekonomi Malaysia, manakala baki 3 peratus neutral dan tidak setuju. Peningkatan keterbukaan maklumat dan kebebasan media telah menyumbang kepada pembangunan pesat ekonomi digital terutamanya, yang seterusnya merangsang perkembangan blok-blok utama seperti teknologi maklumat dan komunikasi, pelaburan langsung asing serta mencambahkan lebih banyak inovasi perniagaan.

Rajah 3: Prestasi pendapatan e-dagang suku tahunan, Malaysia, 2021-2024. Rujukan: Ekonomi Digital Malaysia 2024.

Adakah peranan media dan kebebasan informasi mempengaruhi aspek ekonomi Malaysia?

100 responses



Pembangunan ekonomi digital di Malaysia dan negara-negara jiran, telah memberi impak positif kepada pertumbuhan ekonomi ASEAN dengan meningkatkan struktur industri dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi yang mampan (Mawang, Z. et al., 2025). Seterusnya, sektor teknologi maklumat dan komunikasi serta e-dagang di Malaysia menjadi sektor yang signifikan bagi pengurangan kadar pengangguran dengan menyediakan pelbagai pekerjaan, dan menyumbang sehingga 23.5 peratus Keluaran Dalam Negeri Kasar pada tahun 2023 (DOSM, 2024).

Pendapatan e-dagang tertinggi Malaysia dapat dilihat pada suku kedua tahun 2024 berjumlah RM 309.8 bilion (DOSM, 2024). Kebebasan informasi dan peranan media yang telus memainkan peranan penting dalam menarik pelaburan asing ke Malaysia, yang mana pencapaian Malaysia dalam Indeks Kebebasan Media Dunia 2022 telah meningkatkan keyakinan pelabur asing terhadap negara ini seperti dinyatakan oleh Menteri Komunikasi dan Digital, Datuk Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil (MalayMail, 2025).

Sebagai contoh, pelaburan besar oleh syarikat teknologi global turut mencerminkan keyakinan terhadap kebebasan informasi di Malaysia, yang mana Google mengumumkan pelaburan sebanyak USD 2 bilion untuk membina pusat data dan hab awan (cloud) di Malaysia yang dijangka

menyumbang USD 3.2 bilion seiring mewujudkan lebih 26000 pekerjaan menjelang 2030 (Apnews, 2024).

Kesan Terhadap Sosial


Kebebasan informasi melalui media memainkan peranan penting dalam membentuk kehidupan sosial masyarakat moden, khususnya dalam era digital yang dicirikan oleh keterbukaan maklumat dan penggunaan teknologi komunikasi yang meluas (Astrama, M., 2019). Akses kepada informasi yang bebas dan pelbagai bukan sahaja meningkatkan tahap pengetahuan dan kesedaran masyarakat, malah memperkukuh hubungan sosial, penglibatan komuniti serta kefahaman terhadap isu-isu semasa dan hak asasi.

Dalam konteks Malaysia, perkembangan media digital dan peningkatan penggunaan ICT telah menjadikan media sebagai medium utama dalam pembentukan masyarakat yang lebih berilmu, terbuka dan berdaya saing.

Rajah 4: Maklum balas dalam bentuk carta pai bagi responden terhadap soalan soal selidik jika kebebasan informasi melalui media menambah baik kehidupan sosial masyarakat Malaysia.

Adakah anda bersetuju bahawa kemajuan kebebasan informasi melalui media di Malaysia kini memberi kesan positif terhadap aspek sosial masyarakat?


100 responses



Sebanyak 88 peratus responden menyatakan sangat setuju bahawa kemajuan kebebasan informasi dalam media memberi kesan positif terhadap dimensi sosial masyarakat Malaysia. Tambahan 7 peratus menyatakan setuju, manakala 5 peratus mengambil pendirian Neutral.

Tiada responden yang menyatakan tidak setuju atau sangat tidak setuju, menunjukkan persepsi tentang impak sosial yang menggalakkan melalui akses maklumat yang bebas dan terbuka.

**Rajah 5: Penggunaan ICT oleh Isi Rumah, Malaysia, 2020-2023.
Rujukan: Ekonomi Digital Malaysia 2024.**



Kebebasan informasi melalui media dikenal pasti memainkan peranan penting dalam pembinaan masyarakat yang lebih berilmu, berdaya saing dan terbuka, apatah lagi apabila trend penggunaan ICT oleh isi rumah di Malaysia kian meningkat sehingga 96.4 peratus penggunaan internet pada tahun 2023 seperti dipaparkan dalam Rajah 5. Media sosial seperti Whatsapp dan Instagram khasnya dilihat sebagai saluran utama untuk belia dan komuniti mendapatkan maklumat pendidikan, memperkukuh jaringan sosial, serta meningkatkan kesedaran terhadap isu-isu semasa (Astroawani, 2025). Hal ini secara langsung menyumbang kepada pembangunan modal insan dan sosial masyarakat.

Dalam era pembangunan teknologi yang pesat ini, pengawalan terhadap media arus perdana tidak semestinya dapat mengongkong pemikiran dan nadi negara. Kini, kesedaran masyarakat terhadap hak asasi manusia semakin meningkat selaras dengan kemajuan kebebasan informasi dan peranan media global (Shubham Yadav and Suryansh Tiwari, 2025). Dalam dunia media alternatif, orang awam boleh berkongsi pendapat atau berkomunikasi dengan orang lain dengan lebih terbuka tanpa tekanan.

Kesimpulan

Secara keseluruhan, kajian ini membuktikan bahawa media dan kebebasan informasi memainkan peranan yang sangat penting dalam bidang politik, ekonomi dan sosial di Malaysia pada abad ke-21 ini. Dapatan kajian daripada 100 responden menunjukkan majoriti sebanyak 80% dan keatas bersetuju bahawa peranan media dalam bidang politik, ekonomi dan sosial memainkan peranan yang sangat penting dalam menyebarkan maklumat yang membina masyarakat. Tidak lupa juga wujudnya peningkatan dalam kebebasan informasi di Malaysia kini. Hasil dapatan ini selari dengan kajian lepas dan laporan rasmi yang dijalankan iaitu adanya kenaikan kedudukan Malaysia dalam Indeks Kebebasan Media Dunia. Peranan literasi media dan maklumat dalam memperkukuh kebebasan informasi turut disertakan di laporan akademik dan rasmi. Walau bagaimanapun, cabaran seperti penularan maklumat palsu dan perbezaan pengamatan dalam akses kepada maklumat harus ditangani secara holistik. Demikian itu, kerjasama antara kerajaan, media dan rakyat hendaklah dipertingkatkan agar Malaysia melahirkan ekosistem maklumat yang sahih dan sihat. Literasi media juga perlu diperkasakan demi melahirkan masyarakat yang cakna dan bertanggungjawab.

Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih diucapkan kepada Dr. Basirah binti Abu Bakar selaku pensyarah kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) atas bimbingan, tunjuk ajar serta nasihat yang diberikan sepanjang tempoh pelaksanaan tugas ini. Penghargaan juga ditujukan kepada semua ahli Kumpulan 1. Muhammad Firdaus Ridhwan bin Muhammad Ridha, 2. Muhammad Danish Soo bin Muhammad Ariff Soo, 3. Luqmanul Hakim bin Nordin, 4. Mohamad Danial Iskandar Wahiduzzaman bin Fahame, 5. Muhammad Hazim Mirza bin Saiful Amry, 6. Muhammad Irfan Haziq bin Adam, 7. Arivinotharan a/l Elangovan, 8. Mathesh Varshan a/l Magenthira dan 9. Aiman Farhan bin Afif yang telah memberikan komitmen, kerjasama dan sumbangan idea secara berterusan dalam memastikan laporan ilmiah ini dapat disiapkan dengan baik. Tidak ketinggalan, ucapan terima kasih turut dirakamkan Muhammad Nur Farhan bin Zamziba yang membantu kajian ini serta kepada semua responden yang telah meluangkan masa untuk menjawab

soal selidik, serta kepada pihak-pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membantu menjayakan kajian ini.

Rujukan

Astro Awani. (2021). *60.9 peratus Gen Z lebih suka interaksi di media sosial – Kajian*. <https://www.astroawani.com>

Astrama, M. (2019). Efektivitas Media Sosial Bagi Usaha Penyedia Jasa Transportasi Online. *Universitas Brawijaya*, 11(1), 1–14. Retrieved from <http://scioteca.caf.com/bitstream/handle/123456789/1091/RED2017Eng8ene.pdf?sequence=12&isAllowed=y%0Ahttp://dx.doi.org/10.1016/j>.

BERNAMA. (2025, May 3). *Malaysia naik dalam Indeks Kebebasan Media Dunia seiring pengiktirafan Majlis Media – Teo*. <https://www.bernama.com>

Boumans, D., Müller, H., & Sauer, S. (2023). How media content influences economic expectations: Evidence from a global expert survey. *Journal of Forecasting*, 42(6), 1295–1308. <https://doi.org/10.1002/for.2907>

Daud, M. (2021). Freedom of misinformation and the relevance of co-regulation in Malaysia: A cross-jurisdictional analysis. *IJUM Law Journal*, 29(2), 27–54. <https://doi.org/10.31436/iiumlj.v29i2>

Department of Statistics Malaysia. (2024). *Information and communication technology satellite account: Malaysia digital economy 2024*. <https://www.dosm.gov.my>

Google to invest \$2 billion in Malaysian data center and cloud hub. (2024). *AP News*. <https://apnews.com>

Harro-Loit, H., Parder, M.-L., Rožukalne, A., Juurik, M., & Skulte, I. (2025). Press Freedom and Freedom of Expression in Estonia and Latvia: The Role of Agents. *Central European Journal of Communication*, 18(1(39)), 51-81. <https://doi.org/10.51480/1899->

[5101.18.1\(39\).669](#)

- Khan, M. W. J., & Khalique, M. (2014). An Overview of Small and Medium Enterprises in Malaysia and Pakistan: Past, Present and Future Scenario. *Business and Management Horizons*, 2(2), 38. <https://doi.org/10.5296/bmh.v2i2.5792>
- Malaysia. (2018). *Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588)* [Hingga 15 Februari 2018]. International Law Book Services.
- Malaysia. (2022a). *Akta Hasutan 1948 (Akta 15)* [Hingga 25 April 2022]. International Law Book Services.
- Malaysia. (2022b). *Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (Akta 301)* [Hingga 15 Februari 2022]. International Law Book Services.
- Mail, M. (2023). Malaysia's position in the World Press Freedom Index boosts investors' confidence, says Fahmi. *Malay Mail*. <https://www.malaymail.com>
- Mawang, Z., & Lee, W. S. (2024). Digital economy's transformative impact on regional growth: Evidence from ASEAN countries. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 58(2). <https://doi.org/10.17576/JEM-2024-5802-1>
- Mohd Faizal Kasmani. 2024. Social media as an online public sphere: A study among the first-time Malay voters. *Kajian Malaysia* 42(2): 29–50. <https://doi.org/10.21315/km2024.42.2.2>
- Nadiah, N. S., & Mohamed, M. (2019). New Media and Political Participation in Malaysia: Impacts and Limitations. *Taylor's Business Review*, 8(1), 25–46.
- Noor Syazalina Md Razali, & Rosyidah Muhamad. (2022). Penyertaan politik dalam kalangan belia dengan menggunakan media sosial. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(12), e002019. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i12.2019>

- Official Portal of the Parliament of Malaysia. (2019). *History of Parliament of Malaysia*. <https://www.parlimen.gov.my>
- Sharma, D. K., Singh, B., Agarwal, S., Garg, L., Kim, C., & Jung, K.-H. (2023). A Survey of Detection and Mitigation for Fake Images on Social Media Platforms. *Applied Sciences*, 13(19), 10980. <https://doi.org/10.3390/app131910980>
- Shuhidan, S., Ibrahim, Y., Edzan, D., Nasir, C., & Perpustakaan Negara Malaysia. (n.d.). *Pendidikan literasi media dan maklumat di era digital: Agenda Literasi Maklumat Negara (NILAM) Malaysia*.
- Shubham Yadav and Suryansh Tiwari, *Role of Global Media in Highlighting the Issue of Violation of Human Rights*, 8 (2) IJLMH Page 1953 - 1966 (2025), DOI: <https://doi.org/10.10000/IJLMH.119310>
- Syafira, T., & Nur, F. A. (2023). The influence of exposure to the TikTok @explorejogjakarta account on interest in visiting tourism in Yogyakarta. *Symposium of Literature, Culture, and Communication (SYLECTION)* 2022, 3(1), 646. <https://doi.org/10.12928/sylection.v3i1.14060>